

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan serta berapakah jumlah hutang yang telah dilangsaikan oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan setakat tahun kewangan Disember 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Baki Belum Selesai bagi pinjaman Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 30 September 2017 adalah berjumlah sebanyak RM957.12

juta. Jumlah ini meliputi pinjaman bagi projek Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai. Dalam tempoh yang sama, Kerajaan Negeri Melaka telah membuat bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM138.28 juta.